

Nasihati Dr. Mahathir untuk elak perpecahan

UM - 5 JUL 2000
SINTOK 4 Julai -- Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ingatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ketua-ketua bahagian tidak terlalu ghairah merebut jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian tahun depan sebagai nasihat bagi mengelak perpecahan dalam parti.

Katanya, kenyataan tersebut sebenarnya bukan bertujuan untuk mencegah ahli-ahli parti bertanding merebut jawatan di peringkat bahagian tetapi lebih kepada menjaga perpaduan parti.

"Saya tidak fikir kenyataan Presiden UMNO itu ada niat untuk menghalang pertandingan tetapi sebenarnya untuk memastikan ahli UMNO tidak terlalu ghairah bertanding sehingga memecahbelahkan parti," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri sebenarnya mahukan pertandingan itu berjalan dengan penuh perpaduan demi masa depan UMNO.

"Saya juga mendapat tahu ada bahagian yang telah mengadakan pertandingan supaya tidak ada persaingan di dalam pertandingan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Undang-Undang Perlindungan Pengguna di Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.